

**Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK**  
**Tempat : HOTEL PRIMULA, KUALA TERENGGANU**  
**Tarikh : 18-02-2006**  
**Tajuk : SEBAHAGIAN DARI UCAPAN YAB. TPM DI MAJLIS KONVENSYEN MELAYU GLOKAL**

Y.A.B. Dato' Seri Haji Idris Jusoh  
Menteri Besar Terengganu,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Yang Berbahagia pegawai-pegawai kerajaan,

Yang Berbahagia Dr. Azmi Omar,  
Presiden dan CEO Terengganu Development Institute,

Yang dihormati para pembentang kertas kerja dan

Yang dimuliakan para peserta Konvensyen serta sidang hadirin sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama dalam majlis Konvensyen Melayu Glokal anjuran Institut Pembangunan Terengganu dan kerajaan negeri pada hari ini. Setinggi-tinggi tahniah dirakamkan kerana kejayaan menganjurkannya dan terima kasih setulusnya kerana menyambut konsep Melayu Glokal yang telah saya utarakan.

2. Pada tahun 1992 dan 1993 ketika saya menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, telah dianjurkan siri latihan yang bertemakan Akar Teguh Akal Canggih (ATAC) kepada pemimpin-pemimpin pemuda seluruh negara. Istilah glokal belum kedengaran lagi pada masa itu. Namun pada hakikatnya harapan untuk menjadikan Akar Teguh Akal Canggih di kalangan pemuda pada ketika itu adalah membawa maksud yang sama iaitu persiapan kekuatan dalaman dan luaran untuk berjaya di negara dan antarabangsa. Pada 19 Julai 2005, dalam ucapan perasmian serentak Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di PWTC, istilah Melayu Glokal adalah kali pertama disuarakan.

3. Saya telah menyebut bahawa maksud glokal adalah gabungan antara dua perkataan iaitu global dan lokal. Global melibatkan antarabangsa, internasional dan seluruh dunia sementara lokal bermaksud tempatan, nasional dan dalam negara kita ini. Melayu Glokal yang dihasratkan ialah Melayu yang berakar nasional dan berakar internasional. Akar kita berpaksi di dalam negara namun akal kita menerjah di arena antarabangsa. Kita perlu hebat di kota dan desa dan kita juga perlu berperanan di serata dunia. Kita mahukan Melayu Glokal berpaksikan kepada budaya Melayu yang murni dan bertunjangan dengan ajaran agama Islam yang suci.

4. Dalam ucapan berkenaan saya juga telah menggariskan bahawa untuk menjana Melayu Global, kita perlu mengambil lima tindakan: Pertama, melalui ilmu dan pendidikan, kedua, melalui pembangunan ekonomi, ketiga berpaksikan penghayatan agama, keempat kekuatan jati diri melalui transformasi budaya dan yang kelima memperkasakan politik berteraskan idealisme perjuangan. Aspirasi global juga wajar bermula daripada kepimpinan pelbagai peringkat agar menjadi sebahagian daripada aspirasi masyarakat.

5. Setelah ucapan berkenaan saya lontarkan, terdapat pelbagai sambutan daripada pelbagai pihak. Saya tidak menafikan bahawa perkataan global atau 'glocalization' adalah daripada bahasa Inggeris yang telah wujud sebelum ucapan saya lagi. Dalam buku berjudul "The World Is Flat" karangan Thomas L. Friedman terbitan tahun 2005 misalnya, istilah 'glocalization' ada disebut. Istilah globalisasi juga dikupas dalam buku "Dinamika Bangsa Melayu" terbitan UKM tahun 2004.

6. Namun frasa Melayu Global belum pernah diutarakan sebelum ucapan saya. Ingin juga dijelaskan bahawa Melayu Global adalah pelengkap kepada gagasan Personaliti Unggul yang disebut oleh YAB Perdana Menteri. Ianya wajar dilihat sebagai bersesuaian dengan konsep Islam Hadhari, yang juga melibatkan usaha untuk pembangunan bangsa yang maju.

7. Terdapat sebuah buku baru cetakan tahun 2006 ini yang berjudul "Ke Arah Kelahiran Melayu Global" tulisan Dato' Dr. Hassan Ahmad, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku tersebut menghimpunkan tulisan 40 artikel Dato' Dr. Hassan pada tahun 2003 dan 2004 berhubung soal memperkasakan bangsa melalui pelbagai kekuatan. Gagasan Melayu Global pula saya utarakan pada tahun 2005. Buku ini adalah contoh sambutan cendekiawan tentang konsep Melayu Global. Oleh itu, konvensyen seumpama ini adalah menepati objektif agar konsep Melayu Global dapat lebih difahami dan dikembangkan.

8. Ayuh kita melihat sedikit kajian mengenai sejarah orang Melayu. Jika kita merujuk kepada buku Prof. Syed Hussien Al Atas yang bertajuk "Mitos Pribumi Malas", beliau telah menganalisis asal usul, punca dan akibat pribumi yang malas iaitu orang Melayu daripada abad ke 16 hingga ke 20 di rantau ini. Beliau merumuskan bahawa orang Melayu dianggap pemalas oleh kolonial Barat kerana orang Melayu tidak mahu bekerja dengan penjajah yang menjatuhkan maruah mereka. Sarjana barat disebut pada ketika itu cenderung untuk menjatuhkan maruah pribumi Melayu. Namun, tuduhan kemalasan Melayu bukan disebabkan oleh malas yang sebenar. Sebaliknya adalah disebabkan oleh penolakan mereka untuk bekerja sebagai buruh ladang dan ketidakadilan yang diterima oleh mereka dalam kegiatan ekonomi kapitalis yang dikuasai oleh penjajah. Dibuktikan juga bahawa masyarakat Melayu akan rajin apabila minatnya timbul. Oleh itu, generalisasi masyarakat Melayu malas adalah tidak tepat dan suatu mitos.

9. Sekarang ini bangsa Melayu masih ketinggalan. Oleh itu adakah pribumi malas masih lagi mitos atau kebenaran? Banyak analisa telah dibuat tentang punca ketinggalan bangsa Melayu dalam pelbagai bidang. Ada yang menyatakan ianya disebabkan oleh dasar pecah dan perintah penjajah yang meletakkan orang Melayu di kampung, orang Cina di bandar dan orang India di ladang atau estet. Ada pula yang menyebut disebabkan faktor genetik, turun temurun, sememangnya Melayu memang begitu, lantas mencadangkan perkahwinan campur sebagai satu kaedah untuk mengatasinya. Ada yang menyatakan pemimpin dan kerajaan perlu berbuat sesuatu yang drastik bagi membina Agenda Melayu kerana dianggap masih tidak cukup usaha ke arah itu.

10. Apakah hubung kait tentang tuduhan Melayu malas dan Melayu mundur dengan Melayu Glokal? Kita perlu pastikan bahawa Melayu yang ingin menerjah ke peringkat global adalah Melayu yang tidak malas dan tidak mundur. Jika Melayu masih tidak bersedia untuk menerjah ke arena antarabangsa dan pada masa yang sama kurang berjaya dalam negara; maka Melayu akan terus layu dan tidak bermaya untuk menghadapi arus tsunami ledakan perubahan yang sedang berlaku.

11. Tanpa menafikan tentang pentingnya mencari punca bangsa kita mengapa masih di tahap begini, kurang di sana sini – adalah lebih produktif jika kita menghayun seribu langkah, berani mulai sekarang ini untuk memahat sejarah dan mencipta tamadun. Kita sebenarnya sudah kesuntukan masa. Wawasan 2020 tinggal 15 tahun saja lagi. Apabila fajar menyingsing pada 1 Januari 2020 nanti, jangan dikesali, jangan ditangisi jika pada saat itu orang lain telah maju tapi kita masih terkebelakang. Sebelum air mata darah menitis penuh kekesalan, marilah kita bertindak sekarang.

12. Kerajaan pula dalam Rancangan Malaysia ke 9 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 31 Mac 2006 ini sedang menyediakan pelbagai strategi untuk memacu binaupaya bangsa dan negara agar lebih hebat dan berjaya. Pada ketika yang sama, bangsa Melayu juga wajar berdikari dan wujud penambahbaikan bagi menghadapi gelombang ekonomi baru yang semakin mencabar. Ekonomi baru memerlukan penyediaan minda baru dan konsep Melayu Glokal adalah salah satu ikhtiar penting bagi menghadapi cabaran ini.

13. Saya mencadangkan agar semua pihak secara terbuka dan kritis cuba memahami gagasan dan seterusnya menghayati semangat Melayu Glokal. Bagi membantu menjayakannya saya ingin menggariskan lima strategi berikut bagi menjana Melayu Glokal:

13.1 Strategi pertama ialah membentuk peribadi Melayu Glokal yang berjaya: Banyak formula kejayaan peribadi dikemukakan oleh golongan sarjana, ulama' dan perunding motivasi. Hari ini saya ingin mengemukakan satu formula kejayaan untuk dihayati bersama iaitu:

Kejayaan = Wawasan X Usaha X Keupayaan X Sikap  
(Kejayaan adalah bersamaan faktor Wawasan darab Usaha darab Keupayaan dan darab Sikap)

Wawasan (vision) melibatkan pandangan jauh, visi, objektif, matlamat, halatuju yang jelas, praktikal dan boleh dicapai. Ianya wajar diiringi dengan doa kepada Allah. Anggap markah wawasan dari 0 hingga 100.

Usaha (effort) melibatkan ikhtiar untuk bertindak dan jumlah masa, tenaga dan wang ringgit yang diperuntukan untuk mencapai sesuatu bentuk kejayaan. Markah usaha dari 0 hingga 100.

Keupayaan (ability) melibatkan kebolehan dan peluang untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan menerusi pembelajaran, kemahiran, bakat, suasana sekitar dan pengalaman. Markah juga dari 0 hingga 100.

Sikap (attitude) melibatkan tabiat, tingkah laku, perangai dalam kehidupan, kerjaya, diri dan keluarga seperti mengamalkan nilai-nilai murni atau sebaliknya. Markah dari (negatif) -100 hingga 100. Ini disebabkan sikap adalah komponen terpenting formula ini.

Jika kita sebagai Melayu Global ingin berjaya maka kita memerlukan keempat-empat faktor (wawasan, usaha, keupayaan dan sikap) tersebut mempunyai nilai positif. Maknanya jangan ada yang negatif atau 0. Ini penting kerana formula tersebut mempunyai fungsi darab yang jika dihitung akan menjadi 0 jika ada faktor yang bernilai sifar. Begitu juga jika ada faktor yang negatif maka keseluruhan kejayaan tersebut akan menjadi negatif juga contohnya jika sikap dan nilai-nilai murni tidak diamalkan.

13.2 Strategi kedua ialah meramaikan kepakaran bersifat global. Dalam banyak bidang, kepakaran merupakan tiket paling berharga untuk melayakkan seseorang terlibat secara aktif di semua peringkat. Modal insan yang berupa kepakaran dan mempunyai nilai tambah adalah lebih penting daripada modal-modal yang lain. Oleh yang demikian, Melayu Global khususnya di firma swasta multinasional dan pusat pengajian tinggi perlu menempatkan diri dalam kelompok elit di kalangan komuniti saintifik dan profesional masing-masing. Sebagai contoh, kita perlu bukan sahaja kepakaran dalam bidang ICT dan bio-teknologi dalam negara, tetapi juga menjadi tokoh profesional atau profesor dengan menganggotai jawatankuasa tertentu serantau ataupun tokoh korporat di peringkat antarabangsa.

13.3 Strategi ketiga ialah menguasai ilmu dan maklumat global. Ilmu tentang global wajarlah sentiasa disebarluaskan. Media massa perlu berperanan untuk menyalurkan maklumat yang tepat tentang peristiwa yang berlaku di peringkat lokal dan antarabangsa dari perspektif yang bersesuaian. Menerusi maklumat tersebut, maka masyarakat umum akan lebih peka dengan persekitaran global sekaligus bertindak selari dengan perkembangan semasa. "Information is power". Dalam era teknologi maklumat, segala kecanggihan jaringan cyber wajar dimanfaatkan ke arah yang positif. Setiap keluarga Melayu wajar mempunyai sebuah komputer dalam setiap rumah misalnya. Barulah kehebatan ilmu dan maklumat dapat dirasai ledakkannya.

13.4 Strategi keempat ialah membina jaringan perniagaan global. Dengan adanya kefahaman yang merentasi isu-isu tempatan dan rantauan, maka lebih banyak peluang perniagaan akan diperolehi. Dengan kata lain, citra global membolehkan golongan usahawan dan syarikat besar mengembangkan sayap perniagaan ke negara-negara yang selama ini tidak terjangkau disebabkan oleh faktor-faktor geografi dan politik. Jika dahulu persaingan kita ialah antara etnik, persaingan baru kini adalah antara negara. Sebagai contoh ialah Felda yang merupakan pemilik ladang sawit dan getah seluas 2 juta ekar adalah juga tuan punya estet terbesar di dunia. Saya telah mengarahkan Felda yang mempunyai 49 anak syarikat untuk menjadi pelaku global yang aktif. Satu ketika nanti Felda akan menjadi multinasional yang global sifatnya dan diterajui oleh pengurusan Melayu yang juga global kehebatannya. Petronas sudah menjadi global lebih awal lagi apabila saban tahun menjadi satu-satunya wakil Malaysia dalam senarai Fortune 500 dunia.

13.5 Strategi kelima ialah memantapkan gerakan pasukan global. Kita menjadi kuat apabila bersatu dan saling membantu sesama bangsa. Ada tiga konsep penting perlu dihayati iaitu konsep "win-win" atau menang-menang, konsep "synergy" dan konsep jemaah. Apabila kita melaksanakan sesuatu jangan fikir kita menang dan orang lain kalah atau kita kalah mereka menang. Kedua-dua pihak perlu menang, barulah sesuatu usahasama dan perhubungan boleh berkembang. Seorang individu digabung dengan kehebatan seorang lagi individu akan mewujudkan "synergy" yang hebat. Sebenarnya 1+1 tidak semestinya berjumlah 2 dari konsep falsafah. Suami campur isteri akan melahirkan keluarga dengan tiga orang atau lebih jumlahnya. Oleh itu ianya membawa kepada konsep jemaah atau pasukan. Dalam Islam jika ada seorang imam dan seorang makmum dalam sembahyang berjemaah, pahalanya adalah 27 kali ganda. Oleh itu, falsafah 1+1 adalah berjumlah 3 atau lebih. Rumusannya ialah Melayu Global perlu berfikir dan bertindak secara berpasukan untuk mendapatkan kelebihan segera dalam pelbagai bidang.

14. Konsep, gagasan, hasrat, citra dan wawasan Melayu Global adalah untuk mengubah minda, sikap, paradigma dan pandangan hidup bangsa Melayu kepada yang lebih hebat, unggul dan mulia. Oleh itu, marilah kita dengan penuh azam dan iltizam, berdoa dan berusaha agar Melayu Global dapat dibina sebagai suatu janakuasa baru yang hebat dan bertenaga demi manfaat agama, bangsa dan negara.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.